

Planet dari galaksi lain ditemui

WASHINGTON - Ahli-ahli astronomi Eropah buat pertama kalinya menemui sebuah planet di luar galaksi Bima Sakti yang menempatkan Bumi, menurut satu penyelidikan yang disiarkan kelmarin di Amerika Syarikat (AS).


Planet baru yang mengelilingi sebuah bintang itu lebih besar daripada planet Musytari.

Ita terletak sejauh 2,000 tahun cahaya dari Bumi.

Menurut penyelidikan yang disiarkan dalam jurnal *Science Express*, planet dan bintang itu dipercayai sebahagian daripada sekumpulan bintang selepas galaksi mini yang hilang ditelan Bima Sakti kira-kira sembilan tahun lalu.

Ahli-ahli astronomi berjaya mengesan planet baru itu yang diberi nama HIP 13044 b dengan menumpukan ke atas pergerakan bintang tersebut.

Planet itu ditemui dengan menggunakan teleskop yang dimiliki Makmal Eropah Selatan di Balai Cerap La



GAMBAR lakaran artis menunjukkan planet baru yang ditemui ahli-ahli astronomi Eropah di luar galaksi Bima Sakti.

Silla di Chile.

Menurut ahli-ahli astronomi, planet itu agak panas kerana ia mengelilingi dekat dengan bintang tersebut.

Planet itu mengambil masa mengelilingi orbit selama 16 hari untuk menamatkan satu pusingan, kata me-reka. - AFP